

Bergelar OKU bukan penghalang genggam segulung ijazah

UB 2.9.2016 A5

KOTA KINABALU: Walaupun bergelar status orang kelainan upaya (OKU), ia tidak pernah menjadi penghalang buat dua pelajar menjejaskan kaki di universiti untuk mengemgkam segulung ijazah.

Zakwanulhakim Abdul Nasir, 22, dari Bagan Serai Perak yang mengalami kecacatan pada kaki kiri sejak berusia 17 tahun tetap berjaya membuktikan insan sepertinya mampu bersaing dengan insan normal yang lain dalam mencapai impian tersendiri.

Menyedari dirinya yang tidak sempurna, bekas pelajar Diploma Sistem Rangkaian di Politeknik Ungku Omar ini berazam untuk terus melangkah ke hadapan bagi merealisasikan cita-citanya menjadi jurutera pengkomputeran.

Berbekalkan kesungguhannya itu, akhirnya anak bongsu daripada enam adik-beradik itu berjaya mendapat tawaran melanjutkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Kepujian (Rangkaian Sistem) di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

“Saya tidak menyangka dapat melanjutkan pengajian di UMS dan ini adalah kali pertama saya menjejaskan kaki di Sabah.

“Pada awalnya, memang saya rasa tertekan memandangkan jauh daripada keluarga, tetapi saya cuba fikir positif ‘just try first, after that i think i can do this and just go on’, malah keluarga pun tetap menyokong keputusan saya,” katanya.

Bercerita mengenai keadaan yang dialami, Zakwan disahkan menghidapi penyakit Arteriovenous Malformation (AVM) yang melibatkan salur darah sejak kecil lagi.

Sesudah itu, beliau terpaksa menjalani pembedahan untuk memotong kaki kiri selepas menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kini sudah empat tahun mengharungi hidup dengan keadaan sedemikian.

“Memang sukar untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sebegini sehingga terpaksa mengambil masa untuk bangkit kembali berhadapan orang sekeliling.

“Alhamdulillah, saya terus bangkit dengan melanjutkan pengajian walaupun dalam keadaan seperti ini sehinggalah saya sudah biasa untuk hidup berdikari tanpa pertolongan keluarga,” katanya.

Zakwan yang memperoleh CGPA 3.14 ketika menuntut di politeknik berazam untuk terus menimba ilmu ke peringkat lebih tinggi selepas menamatkan pengajiannya kelak.

Sementara itu, seorang lagi pelajar Ainur Athira Zulkeflee, 20, menyatakan syukur dan bangga kerana terpilih melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda walaupun mengalami kecacatan penglihatan.


Beliau yang berasal dari Kluang Johor berjaya mendapat tawaran dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Komunikasi) di UMS selepas menamatkan pelajaran di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan St John Kuala Lumpur.

“Komunikasi adalah pilihan kesembilan daripada 12 pilihan yang ditawarkan dan pilihan pertama saya adalah pendidikan khas.

“Namun, rezeki saya tidak memihak ke sana, tetapi saya tetap terima bidang ini kerana saya tahu komunikasi juga memiliki skop yang luas setelah graduasi kelak,” katanya yang merupakan anak kedua dari empat adik beradik.

Ainul berkata keputusan itu bukan hanya beliau yang tetapkan sendiri, tetapi berkat nasihat dan bimbingan keluarga dan gurunya untuk terus kekal meneruskan pengajian di UMS selama tiga tahun.

Beliau yang menghidapi jangkitan kuman pada kedua-dua mata sejak dari kecil lagi tetap berpegang kepada matlamat asalnya



ZAKWAN



AINUR

yang ingin menambur bakti membantu golongan sepertinya untuk berjaya memperoleh pendidikan sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda.

Namun, beliau tetap bersyukur kerana masih mampu melihat dengan menggunakan mata sebelah kiri walaupun kurang jelas dan kini beliau cuba untuk tidak menggunakan ‘Braille’ dengan cuba menulis serta membaca seperti insan biasa.

Mengenai persediaan menjalani hidup sebagai mahasiswi di UMS, Ainur tidak menafikan bahawa masih risau hidup di perantauan apatah lagi untuk bergerak ke sana sini dengan keadaannya yang serba kekurangan itu.

“Mula-mula saya risau juga bagaimana untuk saya bergerak ke sana ke mari kerana saya bukan boleh 24 jam hanya mengharap bantuan orang lain.

“Tapi saya terus cekalkan hati ini dan berfikir positif bahawa saya mampu menyesuaikan diri untuk menyelesaikan pengajian di UMS bagi memberikan hadiah kepada kedua-dua orang tua dan guruguru saya,” katanya. **Oleh SADDAM EDRIS**